



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING PENOLONG NAIB CANSELOR
(PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR)**

Bilangan 4 Tahun 2018

**PEMAKLUMAN PERMOHONAN KEMUDAHAN KANOPI DAN
PERALATAN YANG BERKAITAN UNTUK MAJLIS BERBUKA PUASA
DAN JAMUAN HARI RAYA DI FAKULTI /BAHAGIAN/PUSAT/UNIT**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan bahawa permohonan menggunakan kemudahan kanopi dan peralatan yang berkaitan untuk Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Hari Raya yang diadakan di peringkat Fakulti/Bahagian/Pusat/Unit perlulah menggunakan peruntukan dari Pusat Tanggung Jawab masing-masing.

LATAR BELAKANG

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
 - i. Sebarang permohonan menggunakan peralatan ini yang disewa daripada pembekal yang dilantik oleh UiTM tidak akan disediakan untuk tujuan Majlis Berbuka Puasa atau Jamuan Hari Raya di peringkat Fakulti/Bahagian/Pusat/Unit.
 - ii. Sekiranya majlis di atas masih ingin diadakan oleh Jabatan berkenaan, pengajur digalakkan supaya menggunakan dewan atau mana-mana kawasan dan ruang sediada di jabatan masing-masing.

TUJUAN PELAKSANAAN

3. Ketetapan ini adalah selaras dengan peraturan dasar dalam usaha untuk menggalakkan perbelanjaan berhemah. Pada masa yang sama, Majlis Jamuan Hari Raya peringkat Universiti akan melibatkan penyertaan dari semua warga Universiti.

TARIKH DIKELUARKAN

4. Pekeliling ini dikeluarkan pada **15 Mei 2018**.

TARIKH KUATKUASA

5. Tarikh kuatkuasa adalah **serta merta**.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "FOZI ALI". It is enclosed within a large, roughly drawn oval.

PROF. MADYA DR MOHD FOZI ALI
Penolong Naib Canselor (Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur)

Dikelilingkan Kepada :

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti*

Bil Fail : 100-PPII(PTA 6/7/3)

No. Siri : Pekelliling PNC PPII